

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG (AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [*Enakmen 16*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat Geospasial) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“data geospasial” ertinya apa-apa data yang menerangkan maklumat kedudukan geografi termasuk peta topografi, peta tematik, fotograf udara, data kadaster, data geodesi dan data ukur dan pemetaan yang lain, sama ada dalam salinan keras atau bentuk digital, yang diterbitkan oleh Jabatan;

“jabatan” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam Seksyen 2 Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [*Enakmen 16*];

“kos sebenar” ertinya kos sebenar yang ditanggung oleh Jabatan bagi menyediakan perkhidmatan atau bahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Jadual Kedua, Jadual Ketiga, Jadual Keempat, Jadual Kelima dan Jadual Keenam;

“maklumat terbitan” termasuklah senarai, jadual atau statistik yang dihasilkan daripada data geospasial; dan

“Pegawai Pengawal” ertinya pegawai yang dilantik oleh Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Fi

3. (1) Pegawai Pengawal hendaklah menetapkan fi sepertimana berikut:
 - (a) Bagi pembekalan data geospasial digital, fi hendaklah ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Pertama;
 - (b) Bagi pembekalan salinan keras peta maklumat geospasial, fi hendaklah ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua;
 - (c) Bagi pembekalan salinan digital peta maklumat geospasial, fi hendaklah ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
 - (d) Bagi pembekalan maklumat terbitan daripada data geospasial, fi hendaklah ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keempat; dan
 - (e) Bagi langganan dan perkhidmatan geospasial secara dalam talian, fi hendaklah ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kelima.
- (2) Jika data geospasial tidak dibekalkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan di bawah subperaturan (1), Pegawai Pengawal hendaklah menetapkan fi sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(3) Fi yang ditetapkan di bawah peraturan ini hendaklah dibayar kepada bahagian yang bertanggungjawab mengutip hasil jabatan di mana permohonan dibuat.

(4) Mana-mana fi yang ditetapkan di bawah peraturan ini hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum apa-apa pembekalan, perkhidmatan atau penerbitan berkaitan dibekalkan kepada pemohon itu.

Peremitan

4. (1) Walau apapun peraturan 3, pembayaran fi boleh dikecualikan mengikut kategori pemohon yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh.

(2) Pegawai Pengawal boleh, jika difikirkan patut olehnya, meremit keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang ditetapkan di bawah peraturan 3.

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL PERTAMA
[subperaturan 3(1)(a)]

(1) Perihal	(2) Fi (RM)	(3) Unit Minimum	(4) Harga Minimum (RM)
(a) Pembekalan data geospasial digital lokasi (point) berasaskan saiz dalam format .SHP	1.50 bagi satu kilobait	30 kilobait	45.00
(b) Pembekalan data geospasial digital garisan (<i>line</i>) berasaskan saiz dalam format .SHP	255.00 bagi satu megabait	0.25 megabait	65.00
(c) Pembekalan data geospasial digital kawasan (<i>polygon</i>) berasaskan saiz dalam format .SHP	225.00 bagi satu megabait	0.25 megabait	55.00

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL KEDUA
[perenggan 3(1)(b)]

(1) Perihal	(2) Fi (RM)
(a) Pembekalan peta maklumat geospasial bersaiz cetakan A0 (841mm x 1189mm)	152.00 bagi satu salinan
(b) Pembekalan peta maklumat geospasial bersaiz cetakan A1 (594mm x 841mm)	75.00 bagi satu salinan
(c) Pembekalan peta maklumat geospasial bersaiz cetakan A2 (420mm x 594mm)	38.00 bagi satu salinan
(d) Pembekalan peta maklumat geospasial bersaiz cetakan A3 (297mm x 420mm)	20.00 bagi satu salinan
(e) Pembekalan peta maklumat geospasial bersaiz cetakan A4 (210mm x 297mm)	10.00 bagi satu salinan

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL KETIGA
[perenggan 3(1)(c)]

(1) Perihal	(2) Fi (RM)
(a) Pembekalan peta digital maklumat geospasial bersaiz A0 (841mm x 1189mm)	152.00 bagi satu salinan
(b) Pembekalan peta digital maklumat geospasial bersaiz A1 (594mm x 841mm)	75.00 bagi satu salinan
(c) Pembekalan peta digital maklumat geospasial bersaiz A2 (420mm x 594mm)	38.00 bagi satu salinan
(d) Pembekalan peta digital maklumat geospasial bersaiz A3 (297mm x 420mm)	20.00 bagi satu salinan
(e) Pembekalan peta digital maklumat geospasial bersaiz A4 (210mm x 297mm)	10.00 bagi satu salinan

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL KEEMPAT

[perenggan 3(1)(d)]

(1) Perihal	(2) Fi (RM)	(3) Unit Minimum	(4) Harga Minimum (RM)
(a) Pembekalan maklumat terbitan daripada data geospasial digital lokasi (<i>point</i>)	0.40 bagi satu kilobait	30 kilobait	12.00
(b) Pembekalan maklumat terbitan daripada data geospasial digital garisan (<i>line</i>)	64.00 bagi satu megabait	0.25 megabait	16.00
(c) Pembekalan maklumat terbitan daripada data geospasial digital kawasan (<i>polygon</i>)	56.00 bagi satu megabait	0.25 megabait	14.00

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL KELIMA
[perenggan 3(1)(e)]

(1) Perihal	(2) Fi (RM)
(a) Langganan perkhidmatan aplikasi/data atas talian	500.00 bagi satu tahun

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL KEENAM
[perenggan 3(1)(f)]

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
(a) Pembekalan dan perkhidmatan data geospasial selain yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Jadual Kedua, Jadual Ketiga, Jadual Keempat atau Jadual Kelima	Kos sebenar

ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG
(AKSES KEPADA MAKLUMAT GEOSPATIAL) 2021

JADUAL KETUJUH

[subperaturan 4(1)]

(1) Kategori Pemohon	(2) Data Geospacial Digital	(3) Peta Bercetak	(4) Peta Digital	(5) Maklumat Terbitan	(8) Data Atas Talian
(a) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	Percuma	Percuma	Percuma	Percuma	Percuma
(b) Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Percuma	Percuma untuk 10 cetakan pertama	Percuma	Percuma	Percuma

(1) Kategori Pemohon	(2) Data Geospasial Digital	(3) Peta Bercetak	(4) Peta Digital	(5) Maklumat Terbitan	(8) Data Atas Talian
(c) Jabatan dan Agensi Kerajaan Lain (Persekutuan dan negeri lain)	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Percuma
(d) Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)	Percuma	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Percuma	Percuma	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan
(e) Pelajar dan Ahli Akademik (pendidikan dan pembelajaran)	Percuma	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Percuma	Percuma	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan
(f) Pelajar dan Ahli Akademik (geran penyelidikan)	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan

(1) Kategori Pemohon	(2) Data Geospasial Digital	(3) Peta Bercetak	(4) Peta Digital	(5) Maklumat Terbitan	(8) Data Atas Talian
(g) Syarikat atau Perseorangan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan	Bayaran mengikut kadar yang ditetapkan

Dibuat 13 April 2021

[PSUKPP/(S)/05/0151/1 KLT. 11 (6); PUNPP 352/100/1/2/SUB/85]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang